



Romli Bidin,
Penduduk

Kalau boleh, pembinaan sistem penahan cerun atau cerun berbatu boleh dilakukan seperti di kawasan bukit di lebuhraya supaya lebih kukuh”



Hanipah Husain,
Wakil penduduk

Difahami, aktiviti mengorek tanah bukit dan projek pembinaan di tapak lombong di sebelah bukit itu tidak mempunyai permit atau lesen”

(FOTO AIZUDDIN SAAD/BH)



Muhammad Nasri menunjukkan kawasan tanah yang bakal runtuh berhampiran dengan rumah beliau di Bandar Tasik Puteri, Rawang.

di kawasan berkenaan, kesan aktiviti berkenaan akan memberi impak buruk untuk jangka panjang kerana ada sebahagian cerun bukit sudah mula roboh.

Wakil penduduk, Hanipah Husain, 48, berkata dua surat aduan rasmi diserahkan kepada MPS, Pejabat Tanah dan Galian Selangor serta Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali pada 17 Oktober dan 23 November tahun lalu, namun tiada tindakan lanjut diambil kecuali hanya memasang pita plastik.

Dakwanya, pita plastik yang dipasang pada November lalu juga hanya bertahan dalam masa beberapa hari sebelum diceroob kira-kira 10 lori dan jentera berat.

“Kami difahami, aktiviti mengorek tanah bukit dan projek pembinaan di tapak lombong di sebelah bukit itu tidak mempunyai permit atau lesen sehingga projek itu berhenti secara tiba-tiba pada awal bulan lalu.



Saya ada terdengar bunyi mencurigakan dan bising ketika ribut di cerun bukit belakang rumah seolah-olah tanah bergerak baru-baru ini. Tanggapan saya tepat apabila pokok di cerun bukit tumbang dan ada beberapa tempat sudah runtuh”

Mohd Sallehuddin Alzahari,
Penduduk

“Mungkin mereka terabit menyedari penduduk sudah menghantar surat aduan atau melihat keadaan bukit yang dikorek semakin teruk dan mengambil keputusan menghentikan aktiviti berkenaan.

“Pada 10 Januari lalu, seorang jurutera MPS ada melakukan tinjauan dan secara peribadi mengeluarkan pandangan bahawa kawasan bukit itu semakin kritikal dan tidak selamat,” dakwanya ketika ditemui BH.

Walaupun begitu, katanya, sebaik dia bersama penduduk membuat susulan dengan MPS, mereka memaklumkan bahawa kes itu masih dalam siasatan.

“Saya tidak tahu apa lagi yang perlu dilakukan kerana sangat bimbang akan keselamatan penduduk, terutama yang mempunyai anak kecil. Sampai bila siasatan akan selesai pun tak tahu,” katanya yang turut memberitahu aktiviti mengorek itu bermula sejak 2014, namun menjadi lebih teruk pada Mac tahun lalu.

PBT didesak segera bertindak elak tragedi

Tidak mahu ‘sudah terhantuk baru tengadah’, penduduk Jalan 3/34, Bandar Tasik Puteri, di sini, menggesa pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil tindakan segera terhadap keadaan bukit berhampiran kediaman mereka yang semakin kritikal selepas aktiviti mengorek tanah dipercayai secara haram berlaku sejak dua tahun lalu.

Seorang penduduk, Romli Bidin, 61, berkata walaupun aktiviti mengorek tanah sudah berhenti sejak awal bulan lalu, keadaan struktur tanah cerun bukit berkenaan dengan jarak kira-kira tiga meter dari belakang rumah penduduk sudah kritikal dan sangat bahaya.

Sehubungan itu, katanya, langkah mengukuhkan cerun bukit perlu dilakukan supaya struktur tanah terus stabil bagi mengelak tanah runtuh.

“Kalau boleh, pembinaan sistem penahan cerun atau cerun berbatu boleh dilakukan seperti di kawasan bukit di lebuhraya supaya lebih kukuh. Walaupun belum berlaku insiden tidak diingini, masalah ini perlu diambil berat kerana ia menjadi taruhan keselamatan dan nyawa penduduk, tambahan pula musim hujan ketika ini.

“Malah, kolam takungan air yang terhasil akibat aktiviti mengorek di bawah bukit juga membolehkan penyerapan air bawah tanah berlaku, sekali gus membuatkan struktur tanah semakin tidak stabil. Pada bulan lalu, ada beberapa tempat sudah runtuh, namun setakat ini tidak memberi kesan kepada penduduk.

“Oleh itu, kolam takungan air itu juga perlu ditimbus supaya tiada pengaliran air bawah tanah yang menjejaskan struktur tanah bukit berkenaan,” katanya ketika ditemui.

Aktiviti mengorek tanah

Kakitangan kerajaan yang baru setahun tinggal di Bandar Tasik Puteri, Md Isa Othman, 45, berkata PBT ada memaklumkan akan menanam rumput di cerun bukit berkenaan supaya kukuh pada akhir tahun lalu, namun sehingga kini tiada sebarang kerja berkenaan dilakukan.

Katanya, sebelum berpindah, dia tidak mengetahui mengenai aktiviti mengorek tanah berkenaan kerana terlindung dengan bukit di belakang rumahnya.

“Kawasan rumah kami juga menjadi tempat pembiakan nyamuk selepas wujudnya kolam takungan pada pertengahan tahun lalu. Mungkin kerja mengorek tanah terlalu dalam, tambahan pula hujan lebat kebelakangan ini sehingga wujudnya kolam berkenaan.

“Lebih teruk, kolam takungan yang tiada aliran keluar itu mungkin menjadi punca wujudnya pembiakan nyamuk sehingga ada anak jiran diserang demam denggi baru-baru ini. Keadaan (pembinaan nyamuk) ini sangat teruk, sehinggalah pejabat kesihatan datang membuat penyemburan asap di kawasan rumah kami,” katanya.

Bimbang keselamatan kanak-kanak

Pemandu lori yang sudah lima tahun tinggal di Bandar Tasik Puteri, Sayed Mastan Ibrahim, 56, berkata dia agak bimbang dengan keselamatan tiga cucunya yang berusia dua hingga lapan tahun yang selalu bermain di luar kawasan rumah.

Katanya, selain cucunya, ada beberapa kanak-kanak yang tinggal jauh dari kediamannya pernah datang meninjau bahagian belakang rumahnya untuk mandi dalam kolam berkenaan yang kebiruan dan jernih.

“Kami kerap menegur tindakan sekumpulan kanak-kanak datang mencari jalan turun dari bukit belakang rumah kami ke kolam berkenaan untuk mengelak kejadian tidak diingini. Dengan keadaan bukit yang curam dan sangat berbahaya, kolam dengan kedalaman lebih tiga meter itu boleh membahayakan keselamatan mereka,” katanya.